DIKEMASKINI: 29 September 2023

ePenyata melalui AmOnline

Soalan Lazim

1. Bagaimanakah cara untuk saya memuat turun ePenyata daripada AmOnline?

Anda boleh memuat turun ePenyata daripada web AmOnline

(https://ambank.amonline.com.my) atau aplikasi mudah alih dengan mengikuti langkah di bawah:

Melalui laman web

Langkah 1: Log masuk ke AmOnline dengan memasukkan Nama Pengguna dan Kata Laluan anda.

Langkah 2: Pilih "Akaun Pinjaman/Pembiayaan" anda.

Langkah 3: Klik pada "ePenyata".

Melalui aplikasi mudah alih

Langkah 1: Lancarkan aplikasi dan log masuk dengan memasukkan Nama Pengguna dan Kata Laluan anda.

Langkah 2: Pilih "Akaun Pinjaman/Pembiayaan" anda.

Langkah 3: Klik pada "Tindakan Pantas".

Langkah 4: Klik pada "Lihat ePenyata" untuk melihat ePenyata bulanan dan tahunan anda.

2. Bilakah saya boleh mula memuat turun ePenyata saya daripada AmOnline?

ePenyata boleh dimuat turun mengikut kitaran penyata produk yang anda miliki pada masa kini.

3. Adakah saya akan berhenti menerima ePenyata melalui e-mel?

Ya, mulai 1 Januari 2025, ePenyata tidak lagi akan dihantar melalui e-mel.

4. Mengapakah ePenyata tidak lagi dihantar melalui e-mel?

ePenyata tidak lagi akan dihantar melalui e-mel untuk memanfaatkan pelanggan kerana:

- **Lebih Pantas** Anda akan dapat melihat ePenyata melalui AmOnline sebaik sahaja ia tersedia.
- Mudah ePenyata tahunan boleh dilihat pada bila-bila masa di mana sahaja mengikut keselesaan anda.
- **Selamat** Akses kepada ePenyata melalui laman web selamat kami melalui https://ambank.amonline.com.my atau aplikasi mudah alih disulitkan dengan kata laluan individu.

5. Adakah saya perlu membayar untuk mendapatkan ePenyata?

Tidak, perkhidmatan ePenyata disediakan kepada anda tanpa sebarang caj.

6. Adakah sebarang pengecualian diberikan terhadap ePenyata melalui AmOnline ini?

Ya, pengecualian diberikan untuk kategori pelanggan berikut yang akan terus menerima salinan penyata bercetak:

- i) Warga emas berumur 65 tahun ke atas
- ii) Pelanggan kurang upaya
- iii) Pelanggan yang tiada akses kepada internet
- iv) Individu yang masih menggunakan nombor Kad Pengenalan lama
- v) Bukan Individu (tidak termasuk Pemilik Tunggal)

Sekiranya anda memerlukan bantuan lanjut, sila kunjungi cawangan AmBank yang terdekat dengan anda.

7. Bagaimanakah cara untuk saya mendaftar sebagai pengguna AmOnline jika saya tidak mempunyai akaun pada masa ini?

Anda boleh mendaftar untuk akaun AmOnline melalui aplikasi mudah alih AmOnline. Sila ikuti langkah di bawah:

Melalui aplikasi mudah alih

- Langkah 1: Muat turun dan lancarkan aplikasi AmOnline daripada gedung aplikasi sah peranti anda masing-masing.
- Langkah 2: Semak imbas karusel dan klik pada "Mari Bermula".
- Langkah 3: Klik pada "Daftar untuk AmOnline".
- Langkah 4: Masukkan kelayakan AmOnline pilihan anda.
- Langkah 5: Masukkan Nombor ID dan butiran untuk menghubungi anda.
- Langkah 6: Masukkan Nombor Akaun Pinjaman/Pembiayaan anda.